

04/09/2002

Keseragaman pendidikan permudah perpaduan

PADA prinsipnya, wakil Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) dan Persekutuan Tujuh Persatuan Utama Suku Cina di sini menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Tetapi mereka menolak rancangan mewajibkan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah jenis kebangsaan Cina bermula daripada peringkat sekolah rendah lagi. Mereka sebaliknya mahu ia dilaksanakan mulai peringkat persekolahan menengah. Dalam menyuarakan bantahan itu apa yang nyata kini adalah beberapa kebimbangan mereka yang jelas tidak berasas. Dakwaan kononnya kerajaan sengaja memperkenalkan dasar itu bagi menghapuskan sekolah Cina, memaksa mereka mengubah ciri-ciri sekolah berkenaan atau harus menerima guru daripada kaum lain, iaitu guru Melayu atau India, ternyata tidak benar. Perdana Menteri dalam pertemuan dengan wakil ACCIM dan persatuan suku itu, kelmarin, mendedahkan kaedah pengajaran bahasa Inggeris itu banyak menggunakan teknologi maklumat (IT) iaitu komputer dan perisian kursus dengan guru hanya menjadi fasilitator. Namun apa yang turut ditekankan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah hakikat bahawa Malaysia sebagai sebuah negara perlu mempunyai satu bentuk keseragaman dalam sistem pendidikannya. Kerajaan sudah berusaha memperkenalkan keseragaman melalui sekolah kebangsaan, tetapi ia tidak begitu berjaya kerana tidak mendapat sokongan daripada kaum Cina, India mahupun Melayu sendiri. Apa yang wujud hari ini adalah hanya dua peratus murid Cina dan empat peratus India belajar di sekolah kebangsaan dengan bakinya Melayu. Itupun ibu bapa Melayu sudah mula mengalihkan perhatian kepada sekolah agama.

Kerajaan dalam menggubal rancangan terbarunya tidak syak lagi selain tetap dengan matlamat mewujudkan keseragaman dan perpaduan kaum, ia juga mahu pelajar kita mampu menguasai sepenuhnya bahasa Inggeris demi menimba ilmu pengetahuan pada zaman globalisasi. Apatah lagi sebahagian besar buku pelbagai pengetahuan terutama IT adalah dalam bahasa berkenaan. Penguasaan ilmu pula pasti dapat membantu negara melangkah tangga kemajuan dan menghadapi cabaran mendatang. Namun selama ini berdasarkan alasan diberikan oleh pelbagai pertubuhan itu, jelas menunjukkan mereka tidak peka dan proaktif dalam memajukan anak bangsa.

Mereka masih berpegang kepada pandangan sempit dan mengutamakan kepentingan kaum sendiri saja. Pokoknya seperti kata Dr Mahathir ahli pendidik Cina perlu menerima hakikat sekolah Cina di Malaysia tidak boleh dan tidak akan sama dengan sekolah di Tanah Besar China. Sekolah Cina untuk kaum itu di negara ini perlu menerima perkara yang dianggap memenuhi tuntutan menyemai dan mewujudkan fahaman kebangsaan kerana mereka bukannya rakyat China, Taiwan atau pun Singapura. Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, penduduk Cina di sini menerima perlembagaan dan keperluan pelbagai kaum untuk bekerjasama kerana mereka adalah Cina Malaysia. Soal identiti sendiri dan ciri mendukungnya itu penting sebagai sebuah negara berdaulat.

Begitu jugalah dalam hal pendidikan, sistem di sini tidak boleh mengikut cara pembelajaran negara lain. Kita perlu berusaha agar semua pelajar kita menjadi warganegara yang setia kepada Malaysia dan menyokong dasar memajukan rakyat dan negara. Kita bukannya mempersoalkan kesetiaan sesiapa pun, tetapi jika kita perlu mengikut sistem pendidikan di negara-negara berkenaan yang majoriti rakyatnya Cina, tentulah ia tidak sesuai dengan keperluan dan kehendak kita. Pelbagai usaha diambil oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan di kalangan kaum dan melahirkan rakyat dengan kesetiaan

tidak berbelah bagi kepada Malaysia. Keseragaman dalam sistem pendidikan adalah antara jalan terbaik mengeratkan lagi perpaduan kerana sejak kecil lagi murid pelbagai kaum belajar dalam persekitaran dan mengejar matlamat yang sama.